


Headline	Projek perumahan mampu milik disatukan di bawah KPKT		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	26 May 2018	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	125,514
Page No	31	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	797 cm ²
Journalist	Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 27,473
Frequency	Daily	PR Value	RM 82,420



Penyelarasan semua institusi berkaitan perumahan di bawah satu bumbung dapat mengelakkan pertindihan tugas.

Projek perumahan mampu milik disatukan di bawah KPKT



➔ **Penyelarasan institusi perumahan kurangkan pembaziran kos**

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@NSTP.com.my

Langkah Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin menyatakan semua projek perumahan mampu milik di bawah kementeriannya dilihat sebagai

satu keputusan tepat.

Zuraida yang juga Ahli Parlimen Ampang berkata demikian pada hari pertama bertugas di kementerian terbit dari dengan langkah pertamanya mahu meletakkan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Menurutnya, penyelarasan PR1MA yang ketika ini berada di bawah kelolaan Jabatan Perdana Menteri, perlu dilakukan bagi mengurangkan pembaziran kos.

Cadangan dikemukakan kerajaan ini bukan suatu perkara baharu kerana sebelum ini sudah ada pihak mencadangkannya.

Ketika ini terlalu banyak agensi kerajaan yang membina sendiri projek rumah mampu milik sehingga menjadikan peranan

masing-masing bertindih.

Selaraskan institusi

Pada November tahun lalu, Ketua Kluster Kejuruteraan dan Alam Bina Majlis Profesor Negara (MPN), Prof Datuk Dr Alias Abdullah pernah mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan sebuah badan atau suruhanjaya perumahan bertujuan menyelaraskan semua institusi berkaitan perumahan di bawah satu bumbung.

Katanya, suruhanjaya berkenaan akan memainkan peranan sebagai sebuah entiti yang mengawal semua perkara berkaitan perumahan seperti menyediakan pangkalan data.

Sistem sedia ada ketika ini, katanya dilihat agak bercelarau kerana agensi berkaitan perumahan

diletakkan di bawah pentadbiran berbeza seperti PR1MA di bawah Jabatan Perdana Menteri dan bukan KPKT.

“Di KPKT ada Jabatan Perumahan, tetapi bidang kuasa tidak luas, hanya menjaga lesen pemaju. Tidak banyak yang mereka boleh buat untuk mengawal pasaran hartanah dalam negara.

“Beberapa juga di negeri, masing-masing mempunyai lembaga perumahan sendiri kerana hal ehwal tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

“Namun, jika ada suruhanjaya, ia boleh menyelaraskan tugas, antara lain boleh meminta Tenaga Nasional Bhd (TNB) menyediakan stesen jana kuasa di kawasan perumahan dan bukan pemaju seperti yang berlaku sekarang,” katanya.



Jika ada suruhanjaya, ia boleh menyelaras-kan tugas, antara lain boleh meminta Tenaga Nasional Bhd (TNB) menyediakan stesen jana kuasa di kawasan perumahan dan bukan pemaju seperti yang berlaku sekarang”

Zuraida Kamaruddin,
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

